

**PENGARUH KECERDASAN EMOSI, BUDAYA
SEKOLAH, LOKUS KAWALAN DALAMAN
DAN KEPUASAN KOMUNIKASI
TERHADAP KOMITMEN GURU**



LILY JAMES BILLY
UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2021**

**PENGARUH KECERDASAN EMOSI, BUDAYA
SEKOLAH, LOKUS KAWALAN DALAMAN
DAN KEPUASAN KOMUNIKASI
TERHADAP KOMITMEN GURU**

LILY JAMES BILLY



UMS

**TESISINI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2021**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **PENGARUH KECERDASAN EMOSI, BUDAYA SEKOLAH, LOKUS KAWALAN DALAMAN DAN KEPUASAN KOMUNIKASI TERHADAP KOMITMEN GURU**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH**

BIDANG : **PENGURUSAN PENDIDIKAN**

Saya **LILY JAMES BILLY**, sesi **2015-2021**, mengaku membenarkan tesis Doktoral ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

/

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh,

LILY JAMES BILLY
DP1521019T

(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh : 13 September 2021

(Prof. Madya Dr. Muhamad Suhaimi Bin Taat)
Penyelia

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

25 Jun 2021

Lily James Billy
DP1521019T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **LILY JAMES BILLY**

NO. MATRIK : **DP1521019T**

TAJUK : **PENGARUH KECERDASAN EMOSI, BUDAYA SEKOLAH,
LOKUS KAWALAN DALAMAN DAN KEPUASAN
KOMUNIKASI TERHADAP KOMITMEN GURU**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH**

BIDANG : **PENGURUSAN PENDIDIKAN**

TARIKH VIVA : **25 JUN 2021**



DISAHKAN OLEH;

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan

PENYELIA

Prof. Madya Dr. Muhamad Suhaimi Bin Taat

PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan di atas anugerah kesihatan yang baik, emosi yang stabil, ketabahan, kesabaran, semangat juang yang tinggi serta sejambak cinta dan kasih yang diberikan sehingga saya dapat menyempurnakan tesis ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada Prof. Madya Dr. Muhamad Suhaimi Taat, selaku penyelia yang amat sabar dan tidak henti-henti memberikan tunjuk ajar, bimbingan dan semangat sehingga memungkinkan tesis ini disiapkan.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua panel penyemak soal selidik yang amat membantu memberi saranan serta kritikan yang membina iaitu Prof. Madya Dr. Muhamad Suhaimi Taat, Prof. Madya Dr. Mohamad Yusof Abdullah, Prof. Dr. Hj. Baharom Mohamad dan Prof. Madya Dr. Abdul Said Bin Ambotang. Seterusnya kepada panel penterjemah *back to back* yang amat membantu iaitu En. Carl Martin, Pn. Conny Billy, Pn. Dewi Ana, Dr. Marcelina John, Pn. Elsa Gabriel dan Pn. Debbie Thomas.

Penghargaan ini juga saya tujukan kepada pembaca dalaman yang sangat saya segani dan hormati iaitu Prof. Madya Dr. Mohd. Zaki Bin Ishak dan Dr. Musirin Mosin. Seterusnya kepada semua pensyarah serta staf Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) serta Pusat Pengajian Pasca Siswazah UMS. Ribuan terima kasih diucapkan di atas kerjasama serta bantuan yang diberikan sepanjang pengajian ini. Tidak lupa penghargaan serta ucapan terima kasih ini juga ditujukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan), Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Pejabat Pendidikan Daerah Tambunan, Keningau, Tenom dan Pensiangan serta Guru Besar-Guru Besar Sekolah (terpilih) di atas kerjasama penuh dalam memberi kelulusan dan keizinan menjalankan penyelidikan ini.

Penghargaan turut ditujukan kepada staf Pejabat Pendidikan Daerah Tambunan (En. Rodney Samuil), Keningau (Pn. Rosaliah Gijih), Tenom (Hjh. Azrah Bt. Hj. Mohd. Zakaria) dan Pensiangan (Pn. Lucy Jimmy) atas bantuan berkaitan soal selidik yang diberikan. Tidak lupa juga Dr. Jaggil Apak dan Dr. Windy Anjilus yang sentiasa membantu dalam memberikan tunjuk ajar dan kata-kata semangat. Setinggi penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada semua rakan guru dan rakan seperjuangan yang menjadi penyuntik semangat juang untuk menghabiskan pengajian.

Penghargaan yang tidak ternilai dan teristimewa ditujukan kepada kedua ibu bapa iaitu Eirine Samitah Gidah dan James Billy Jarang, adik beradik saya (Johny, Justin, Roslin, Conny, Anita, Bibiana, Joseph, Andrew, Linda dan Maria) dan ibu bapa mertua serta ipar duai, terima kasih di atas ingatan serta doa anda semua. Akhir sekali terima kasih yang tak terhingga dan istimewa kepada suami tercinta, Carl Martin dan anak-anak tersayang Michelle Gayle, Brandon, Cinderella dan Scott Alan yang sentiasa mendoakan dan memahami erti perjuangan saya dalam menyempurnakan tesis ini.

Lily James Billy
25 Jun 2021

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap, hubungan serta pengaruh kecerdasan emosi, budaya sekolah, lokus kawalan dalaman dan kepuasan komunikasi terhadap komitmen guru. Kajian kuantitatif ini menggunakan kaedah tinjauan yang menggabungkan teknik pensampelan kebarangkalian berstrata, kelompok dan rawak mudah melibatkan 458 orang responden dalam kalangan guru sekolah rendah di pedalaman atas Sabah. Soal selidik terdiri daripada enam bahagian iaitu ciri demografi, komitmen guru, kecerdasan emosi, budaya sekolah, lokus kawalan dalaman dan kepuasan komunikasi. Data dianalisis menggunakan perisian *IBM SPSS Statistics Version 25* secara deskriptif dan inferensi (ujian-*t*, *ANOVA* sehala, Korelasi Pearson, Regresi *Linear Berganda Stepwise*) pada aras signifikan $p<.05$. Dapatkan kajian menunjukkan semua variabel tidak bersandar iaitu kecerdasan emosi ($M=4.16$), budaya sekolah ($M=3.96$), lokus kawalan dalaman ($M=3.91$) dan kepuasan komunikasi ($M=3.90$) berada pada tahap tinggi. Manakala variabel bersandar iaitu komitmen guru (3.54) berada pada tahap sederhana. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat perbezaan skor min yang signifikan komitmen guru berdasarkan jantina. Manakala tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan kecerdasan emosi, budaya sekolah, lokus kawalan dalaman dan kepuasan komunikasi berdasarkan jantina. Dapatkan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan skor min yang signifikan lokus kawalan dalaman berdasarkan pengalaman mengajar. Walau bagaimanapun tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan kecerdasan emosi, budaya sekolah, kepuasan komunikasi dan komitmen guru berdasarkan pengalaman mengajar. Ujian Korelasi Pearson menunjukkan wujud hubungan positif yang signifikan kecerdasan emosi ($r=0.16$, $p<0.01$), budaya sekolah ($r=0.43$, $p<0.01$), lokus kawalan dalaman ($r=0.27$, $p<0.01$) dan kepuasan komunikasi ($r=0.33$, $p<0.01$) dengan komitmen guru. Melalui analisis Regresi Berganda *Stepwise*, kombinasi bagi ketiga-tiga variabel peramal iaitu budaya sekolah, lokus kawalan dalaman dan kepuasan komunikasi membuktikan bahawa terdapat pengaruh sebanyak 22.1 peratus terhadap komitmen guru. Dapatkan kajian menunjukkan budaya sekolah merupakan peramal utama komitmen guru. Justeru pihak berkepentingan khususnya bidang pengurusan iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Pejabat Pendidikan Daerah dan pentadbir sekolah boleh merancang program berbentuk penerapan budaya sekolah yang bertujuan meningkatkan tahap komitmen guru.

ABSTRACT

THE INFLUENCE OF EMOTIONAL INTELLIGENCE, SCHOOL CULTURE, INTERNAL LOCUS OF CONTROL AND COMMUNICATION SATISFACTION TOWARD THE TEACHERS' COMMITMENT

The purpose of this research is to identify the level, relationship and influence of emotional intelligence, school culture, internal locus of control and communication satisfaction towards the teachers' commitment. This non-experimental study used a survey method by combining stratified, cluster and random sampling techniques involved 458 respondents among the primary school teachers in the upper interior division of Sabah. The questionnaire consists of six parts which are the demographic characteristic, teachers' commitment, emotional intelligence, school culture, internal locus of control and communication satisfaction. The data was analysed using the IBM SPSS Statistics Version 25 with descriptive and inferential statistics (t-Test, One Way ANOVA, Pearson Correlation, Multiple Stepwise Linear Regression) at the level of $p<.05$. The research findings showed all independent variables which were the emotional intelligence ($M=4.16$), school culture ($M=3.96$), internal locus of control ($M=3.91$) and communication satisfaction ($M=3.90$) were at the high level. Meanwhile the dependent variable which was the teachers' commitment ($M=3.54$) was at the moderate level. The research findings portrayed a significant difference in the mean score for teachers' commitment based on gender. Nevertheless, there were no significant difference in the mean score for emotional intelligence, school culture, internal locus of control and communication satisfaction based on gender. The research findings also indicated that there was a significant difference in the mean score for internal locus of control based on teaching experience. However, there were no significant difference for emotional intelligence, school culture, communication satisfaction and teachers' commitment based on teaching experience. Pearson correlation test showed that there was a significant positive relationship between emotional intelligence ($r=0.16$, $p<0.01$), school culture ($r=0.43$, $p<0.01$), internal locus of control ($r=0.27$, $p<0.01$) and communication satisfaction ($r=0.33$, $p<0.01$) variables with teachers' commitment. The analysis using Stepwise Multiple Regression proved that the combination of school culture, internal locus of control and communication satisfaction 22.1 percent influence the teachers' commitment. The findings of the study indicate that school culture is a major predictor of teacher commitment. Therefore, stakeholders, especially in the field of management, namely the Malaysian Ministry of Education, Sabah State Education Office, District Education Office and school administrators can plan programs in the form of school culture application that aims to increase the level of teacher commitment.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii
SENARAI LAMPIRAN	xix
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	2
1.3 Penyataan Masalah	13
1.4 Objektif Kajian	19
1.5 Soalan Kajian	20
1.6 Hipotesis Kajian	21
1.7 Kepentingan Kajian	22
1.8 Batasan Kajian	24
1.8.1 Delimitasi	25
1.8.2 Limitasi	27

1.9	Definasi Operasional Kajian	27
1.9.1	Komitmen Guru	28
1.9.2	Kecerdasan Emosi	29
1.9.3	Budaya Sekolah	30
1.9.4	Lokus Kawalan Dalaman	32
1.9.5	Kepuasan Komunikasi	33
1.10	Rumusan	35

BAB 2: SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	36
2.2	Konsep Komitmen Guru	36
2.3	Teori dan Model Komitmen Guru	39
2.3.1	Teori Taruhan Sampingan	39
2.3.2	Model Tiga Komponen Komitmen	40
2.4	Kajian Komitmen Guru	44
2.5	Konsep Kecerdasan Emosi	50
2.6	Teori Kecerdasan Emosi	52
2.7	Kajian Kecerdasan Emosi	54
2.8	Konsep Budaya Sekolah	58
2.9	Model Budaya Sekolah	60
2.10	Kajian Budaya Sekolah	64
2.11	Konsep Lokus Kawalan Dalaman	70
2.12	Teori Lokus Kawalan Dalaman	70
2.13	Kajian Lokus Kawalan Dalaman	72
2.14	Konsep Kepuasan Komunikasi	79
2.15	Model Kepuasan Komunikasi Downs dan Adrian	81

2.16	Kajian Kepuasan Komunikasi	84
2.17	Kerangka Konseptual Kajian	89
2.18	Rumusan	91
BAB 3: METODOLOGI		
3.1	Pengenalan	93
3.2	Reka Bentuk Kajian	93
3.3	Variabel Kajian	98
3.3.1	Variabel Tidak Bersandar	98
3.3.2	Variabel Bersandar	98
3.4	Lokasi Kajian	99
3.5	Populasi Kajian	99
3.6	Pensampelan Kajian	101
3.7	Instrumen Kajian	110
3.7.1	Maklumat Demografi	114
3.7.2	Pengukur Kecerdasan Emosi	115
3.7.3	Pengukur Budaya Sekolah	116
3.7.4	Pengukur Lokus Kawalan Dalaman	117
3.7.5	Pengukur Kepuasan Komunikasi	117
3.7.6	Pengukur Komitmen Guru	119
3.8	Kajian Rintis	119
3.8.1	Kesahan Kandungan Instrumen Kajian	121
3.8.2	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	135
3.9	Prosedur Pengumpulan Data	136
3.10	Analisis Data	138
3.10.1	Kaedah Deskriptif	139

3.10.2	Kaedah Inferensi	140
3.11	Rumusan	142
BAB 4: DAPATAN KAJIAN		
4.1	Pengenalan	144
4.2	Latar Belakang Demografi Responden	144
4.2.1	Taburan Responden Kajian	145
4.2.2	Taburan Responden Mengikut Jantina dan Pengalaman Mengajar	145
4.3	Semakan Data Kajian	146
4.4	Kebolehpercayaan Alat Kajian	148
4.5	Dapatan Kajian Secara Deskriptif	149
4.6	Dapatan Kajian Berdasarkan Objektif Kajian	152
4.6.1	Tahap Kecerdasan Emosi, Budaya Sekolah, Lokus Kawalan Dalaman, Kepuasan Komunikasi dan Komitmen Guru - (Objektif 1)	153
4.6.2	Perbezaan Skor Min Kecerdasan Emosi, Budaya Sekolah, Lokus Kawalan Dalaman, Kepuasan Komunikasi dan Komitmen Guru Berdasarkan Jantina - (Objektif 2)	154
4.6.3	Perbezaan Skor Min Kecerdasan Emosi, Budaya Sekolah, Lokus Kawalan Dalaman, Kepuasan Komunikasi dan Komitmen Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar - (Objektif 3)	159
4.6.4	Hubungan Kecerdasan Emosi, Budaya Sekolah, Lokus Kawalan Dalaman, Kepuasan komunikasi Dengan Komitmen Guru - (Objektif 4)	166
4.6.5	Pengaruh Kecerdasan Emosi, Budaya Sekolah, Lokus Kawalan Dalaman, Kepuasan Komunikasi Terhadap Komitmen Guru - (Objektif 5)	170
4.7	Ringkasan Dapatan Kajian	175

4.7.1	Tahap Kecerdasan Emosi, Budaya Sekolah, Lokus Kawalan Dalaman, Kepuasan Komunikasi Dan Komitmen Guru	176
4.7.2	Perbezaan Skor Min Kecerdasan Emosi, Budaya Sekolah, Lokus Kawalan Dalaman, Kepuasan Komunikasi dan Komitmen Guru Berdasarkan Jantina	176
4.7.3	Perbezaan Skor Min Kecerdasan Emosi, Budaya Sekolah, Lokus Kawalan Dalaman, Kepuasan Komunikasi dan Komitmen Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar	177
4.7.4	Hubungan Antara Kecerdasan Emosi, Budaya Sekolah, Lokus Kawalan Dalaman, Kepuasan komunikasi dengan Komitmen Guru	177
4.7.5	Pengaruh Kecerdasan Emosi, Budaya Sekolah, Lokus Kawalan Dalaman dan Kepuasan Komunikasi Terhadap Komitmen Guru	177
4.8	Rumusan	178
BAB 5: RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN		
5.1	Pengenalan	179
5.2	Rumusan Kajian	180
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	184
5.3.1	Tahap Kecerdasan Emosi, Budaya Sekolah, Lokus Kawalan Dalaman, Kepuasan Komunikasi dan Komitmen Guru	185
5.3.2	Perbezaan Min Variable Kecerdasan Emosi, Budaya Sekolah, Lokus Kawalan Dalaman, Kepuasan Komunikasi dan Komitmen Guru Berdasarkan Jantina	197
5.3.3	Perbezaan Min variabel Kecerdasan Emosi, Budaya Sekolah, Lokus Kawalan Dalaman, Kepuasan Komunikasi dan Komitmen Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar	205
5.3.4	Hubungan Antara Kecerdasan Emosi, Budaya Sekolah, Lokus Kawalan dalaman, Kepuasan Komunikasi Dengan Komitmen Guru	212

5.3.5	Pengaruh Kecerdasan Emosi, Budaya Sekolah, Lokus Kawalan Dalaman dan Kepuasan Komunikasi Terhadap Komitmen Guru	216
5.4	Implikasi Kajian	218
5.4.1	Implikasi Terhadap Teori dan Model	218
5.4.2	Implikasi Terhadap Penyelidikan	227
5.4.3	Implikasi Terhadap Pengamalan	228
5.4.4	Implikasi Terhadap Guru Sekolah Rendah Harian Biasa	231
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	223
5.6	Penutup	235
RUJUKAN		236
LAMPIRAN		272




SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1 : Keputusan UPSR di Bahagian Pedalaman Atas Sabah	10
Jadual 1.2 : Bilangan Guru Sekolah Rendah Harian Biasa Kerajaan di Bahagian Pedalaman Atas Negeri Sabah yang Bersara Awal (Bersara Pilihan) Dari Tahun 2016 Hingga 2018	12
Jadual 3.1 : Bilangan Sekolah Rendah (Harian Biasa Kerajaan) dan Jumlah Guru di Bahagian Pedalaman Atas Negeri Sabah Mengikut Zon (Keberadaan Pejabat Pendidikan Daerah)	101
Jadual 3.2 : Pemilihan Jumlah Sekolah	106
Jadual 3.3 : Pemilihan Sampel	107
Jadual 3.4 : Kandungan Soal Selidik Kajian	114
Jadual 3.5 : Konstruk dan Nombor Item Variabel Kecerdasan Emosi	116
Jadual 3.6 : Konstruk dan Nombor Item Variabel Budaya Sekolah	116
Jadual 3.7 : Konstruk dan Nombor Item Variabel Lokus Kawalan Dalaman	117
Jadual 3.8 : Konstruk dan Nombor Item Kepuasan Komunikasi	118
Jadual 3.9 : Konstruk dan Nombor Item <i>TCM Employee Commitment Survey</i>	119
Jadual 3.10 : Tahap Penerimaan Nilai Kaiser-Meyer Olkin	126
Jadual 3.11 : Nilai Kaiser-Meyer Olkin dan <i>Bartlett's Test of Sphericity</i> Instrumen Kajian Rintis	126
Jadual 3.12 : Nilai Faktor Muatan Konstruk dan Item Variabel Kecerdasan Emosi	128
Jadual 3.13 : Nilai dan Faktor Muatan Konstruk dan Item Variabel Budaya Sekolah	129
Jadual 3.14 : Nilai Faktor Muatan Konstruk dan Item Variabel Lokus Kawalan Dalaman	131

Jadual 3.15	: Nilai Faktor Muatan Konstruk dan Item Variabel Kepuasan Komunikasi	132
Jadual 3.16	: Nilai Faktor Muatan Konstruk dan Item Variabel Komitmen Guru	134
Jadual 3.17	: Tahap Kebolehpercayaan Instrumen	136
Jadual 3.18	: Keputusan Ujian Kebolehpercayaan Item Kajian Rintis	136
Jadual 3.19	: Tafsiran Skor Min	140
Jadual 3.20	: Nilai Kekuatan Korelasi	141
Jadual 3.21	: Ringkasan Kaedah Dalam Menganalisis Data	142
Jadual 4.1	: Taburan Responden Mengikut Jantina dan Pengalaman Mengajar	146
Jadual 4.2	: Ujian Normaliti Data	148
Jadual 4.3	: Ujian Kebolehpercayaan Alat Kajian	140
Jadual 4.4	: Skor Min Variabel dan Konstruk Kajian	150
Jadual 4.5	: Skor Min Variabel Kajian Mengikut Jantina	151
Jadual 4.6	: Skor Min Variabel Kajian Mengikut Pengalaman Mengajar	152
Jadual 4.7	: Tahap Pemeringkatan Variabel-Variabel Kajian	154
Jadual 4.8	: Analisis Ujian $-t$ Kecerdasan Emosi Berdasarkan Jantina	155
Jadual 4.9	: Analisis Ujian $-t$ Budaya Sekolah Berdasarkan Jantina	156
Jadual 4.10	: Analisis Ujian $-t$ Lokus Kawalan Dalaman Berdasarkan Jantina	157
Jadual 4.11	: Analisis Ujian $-t$ Kepuasan Komunikasi Berdasarkan Jantina	158
Jadual 4.12	: Analisis Ujian $-t$ Komitmen Guru Berdasarkan Jantina	159
Jadual 4.13	: Analisis Deskriptif Kecerdasan Emosi Berdasarkan Pengalaman Mengajar	160
Jadual 4.14	: Analisis ANOVA Sehala Kecerdasan Emosi Berdasarkan Pengalaman Mengajar	160

Jadual 4.15	: Analisis Deskriptif Budaya Sekolah Berdasarkan Pengalaman Mengajar	161
Jadual 4.16	: Analisis ANOVA Sehala Budaya Sekolah Berdasarkan Pengalaman Mengajar	162
Jadual 4.17	: Analisis Deskriptif Lokus Kawalan Dalaman Berdasarkan Pengalaman Mengajar	162
Jadual 4.18	: Analisis <i>ANOVA</i> Sehala Lokus Kawalan Dalaman Berdasarkan Pengalaman Mengajar	163
Jadual 4.19	: Analisis <i>Post Hoc Tukey HSD</i> Lokus Kawalan Dalaman berdasarkan Pengalaman Mengajar	163
Jadual 4.20	: Analisis Deskriptif Kepuasan Komunikasi Berdasarkan Pengalaman Mengajar	164
Jadual 4.21	: Analisis ANOVA Sehala Kepuasan Komunikasi Berdasarkan Pengalaman Mengajar	165
Jadual 4.22	: Analisis Deskriptif Komitmen Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar	166
Jadual 4.23	: Analisis <i>ANOVA</i> Sehala Komitmen Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar	166
Jadual 4.24	: Analisis Korelasi Pearson di Antara Kecerdasan Emosi Dengan Komitmen Guru	167
Jadual 4.25	: Analisis Korelasi Pearson di Antara Budaya Sekolah Dengan Komitmen Guru	168
Jadual 4.26	: Analisis Korelasi Pearson di Antara Lokus Kawalan Dalaman Dengan Komitmen Guru	168
Jadual 4.27	: Analisis Korelasi Pearson di Antara Kepuasan Komunikasi Dengan Komitmen Guru	169
Jadual 4.28	: Analisis Korelasi Pearson Antara Variabel Kecerdasan Emosi, Budaya Sekolah, Lokus Kawalan Dalaman dan Kepuasan Komunikasi dengan Variabel Komitmen Guru	170
Jadual 4.29	: Model <i>Summary</i>	174
Jadual 4.30	: Keputusan Analisis Regresi Berganda <i>Stepwise</i> Bagi Setiap Variabel Peramal Terhadap Komitmen Guru	175
Jadual 4.31	: Jadual Output ANOVA	175



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1 : Model Tiga Komponen Komitmen Organisasi	44
Rajah 2.2 : Model Budaya Organisasi Harrison	64
Rajah 2.3 : Model Kepuasan Komunikasi Downs dan Adrian	83
Rajah 2.4 : Kerangka Konseptual Kajian	91
Rajah 3.1 : Reka Bentuk Kajian Jenis Bukan Eksperimental	97
Rajah 3.2 : Kronologi Prosedur Pensampelan Kajian	109



SENARAI SINGKATAN

APDM	- Aplikasi Pengkalan Data Murid
FPK	- Falsafah Pendidikan Kebangsaan
HIP	- <i>Highly Immersive Programme</i>
ICT	- <i>Information Communication Technology</i>
JERI	- Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek
JPN	- Jabatan Pendidikan Negeri
KNGU	- Keningau
KPM	- Kementerian Pendidikan Malaysia
PPD	- Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PNSGN	- Pensiangan
RMT	- Rancangan Makanan Tambahan
SAPS	- Sistem Aplikasi Peperiksaan Sekolah
TBN	- Tambunan
TNM	- Tenom
UPSR	- Ujian Penilaian Sekolah Rendah

SENARAI LAMPIRAN


	Halaman
Lampiran A : Soal Selidik Kajian	272
Lampiran B : Panel Pakar Pemeriksa Borang Soal Selidik	279
Lampiran C : Kebenaran Penggunaan Instrumen Kajian Asal	282
Lampiran D : Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan Oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar (EPRD), Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)	285
Lampiran E : Maklumat Bilangan Sekolah Rendah dan Jumlah Guru Sekolah Rendah di Pedalaman Atas Negeri Sabah	287
Lampiran F : Jadual Penentu Saiz Sampel	292
Lampiran G : Keputusan Analisis Kesahan Soal Selidik Bagi Kajian Rintis	294
Lampiran H : Analisis Kebolehpercayaan Instrumen (Kajian Rintis)	301
Lampiran I : Analisis Kenormalan Instrumen (Kajian Rintis)	314
Lampiran J : Normaliti Kajian Sebenar	329
Lampiran K : Analisis Deskriptif	344
Lampiran L : Analisis Perbezaan Tahap Mengikut Setiap Variabel	346
Lampiran M : Analisis Ujian- <i>t</i>	349
Lampiran N : Analisis ANOVA	350
Lampiran O : Analisis Korelasi	352
Lampiran P : Analisis Regresi Berganda <i>Stepwise</i> Variabel-Variabel Peramal Terhadap Komitmen Guru	353

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Profesion keguruan merupakan pemangkin utama dalam menggerakkan kejayaan sesebuah sekolah dan merupakan tunjang kepada sistem pendidikan di dalam sesebuah negara (Ward & King, 2007). Guru menjadi penyumbang kepada sumber tenaga paling ramai dan antara penggerak yang amat penting di peringkat sekolah. Justeru kualiti guru menjadi penentu kepada keberhasilan murid berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013- 2025.




Komitmen guru di sekolah penting kerana mereka merupakan agen pelaksana dalam memastikan sekolah mencapai kualiti yang cemerlang dan merupakan aset kepada sistem pendidikan (Shafinaz A. Maulod, Chua, Hussien Ahmad, Wei & Shahrin Alias, 2016). Menurut mereka kebanyakan negara meletakkan kepercayaan terhadap guru dan menganggap guru sebagai aset dan sumber terpenting dalam pendidikan.

Guru yang mempunyai komitmen yang tinggi sentiasa sedar akan tanggungjawabnya di sekolah. Mereka menganggap cabaran sebagai batu loncatan untuk berusaha dengan lebih gigih bertujuan untuk meningkatkan prestasi diri, kecemerlangan murid serta keberkesanan sekolah. Justeru komitmen guru di sekolah perlu sentiasa berada di tahap tinggi agar sistem pendidikan negara menjadi lebih berkualiti dan berupaya melahirkan modal insan yang holistik iaitu seimbang daripada segi jasmani, emosi, rohani dan intelek iaitu berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK, 1996) serta mempunyai daya saing tinggi setanding dengan negara-negara maju lain di dunia.

Walau bagaimanapun perubahan dalam sistem pendidikan menyebabkan senarai tugas guru semakin tinggi, sedangkan keadaan lain tidak berubah iaitu guru dan persekitaran proses pembelajaran tidak disediakan dengan sempurna bagi menghadapi perubahan. Hal ini menyebabkan wujudnya golongan guru yang kecewa disebabkan tidak mampu menyelesaikan tugas dan harapan yang telah berubah. Pelaksanaan perubahan-perubahan dalam sistem pendidikan telah menjadikan peranan dan tanggungjawab guru menjadi lebih mencabar (Noraini Mohamad, 2015; Abdul Said Ambotang & Norhayati Bayong, 2018).

Bertitik tolak daripada perbincangan yang dilakukan, terdapat suatu keperluan kepada pengkaji untuk menjalankan kajian terhadap komitmen guru dalam kalangan guru sekolah rendah yang dipengaruhi oleh kecerdasan emosi, budaya sekolah, lokus kawalan dalaman dan kepuasan komunikasi. Hasil kajian berupaya menolong pihak pengurusan, pentadbir serta pihak yang berkepentingan untuk meningkatkan tahap komitmen guru agar berupaya mencapai matlamat sekolah, ibu bapa, masyarakat serta visi dan misi Kementerian Pendidikan Malaysia secara holistik pada masa sekarang dan akan datang.



1.2 Latar Belakang

Sekolah merupakan sebuah institusi formal yang sangat penting. Ia berperanan besar ke arah pembangunan insan, masyarakat dan negara dan menjadi tempat untuk merealisasikan visi dan misi Kementerian Pendidikan Malaysia. Ia menyediakan tempat, persekitaran atau pusat berlakunya proses pengajaran dan pembelajaran. Di sekolah guru terlibat secara langsung dalam pendekatan pengajaran dan pembelajaran serta bertanggungjawab dalam meningkatkan kualiti pendidikan seterusnya memastikan hasil pembelajaran yang maksimum diperolehi oleh murid-murid (Rohani Arbaa, Hazri Jamil & Nordin Abd Razak, 2010). Tanggungjawab ini bukan sesuatu yang mudah memandangkan tuntutan masyarakat serta desakan semasa yang berkehendakkan murid-murid mempunyai kemahiran yang menyeluruh.

Berpandukan kepada amalan semasa guru di sekolah rendah khususnya di bahagian pedalaman atas negeri Sabah, tanggungjawab guru terbahagi kepada dua iaitu tugas hakiki dan bukan tugas hakiki. Tugas hakiki juga terdiri daripada dua iaitu tugas hakiki rutin dan tugas hakiki bermusim. Manakala tugas bukan hakiki juga terbahagi kepada dua iaitu tugas bukan hakiki rutin dan tugas bukan hakiki bermusim. Tugas hakiki rutin merangkumi penyediaan rancangan pengajaran harian bagi setiap mata pelajaran yang diajar meliputi mata pelajaran opsyen dan bukan opsyen, menyediakan bahan bantu mengajar, melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas pada setiap hari dan menyemak hasil kerja murid. Tugas hakiki bermusim meliputi menyediakan pelaporan pentaksiran dua kali setahun. Manakala, perbincangan berkaitan kelemahan dan kekuatan murid-murid diadakan selepas pelaporan pentaksiran.

Tugas bukan hakiki rutin meliputi menjadi guru kelas, mengambil kehadiran murid pada setiap hari, menjadi guru bertugas mingguan, menyelia dan mencatat rekod Rancangan Makanan Tambahan (RMT) menjalankan aktiviti kokurikulum seperti perjumpaan unit beruniform, kelab dan persatuan dan juga melaksanakan aktiviti Satu Murid Satu Sukan (1M1S). Manakala tugas bukan hakiki bermusim merangkumi menjadi jurulatih atau guru pengiring sukan, pasukan permainan seperti bola tampar, bola sepak, bola jaring, pertandingan aktiviti kokurikulum seperti karnival bahasa, pertandingan kelab seperti catur, sahiba, pertandingan menyanyi dan menari, mengurus pinjaman dan pemulangan buku teks dan menjadi guru pengiring untuk lawatan sambil belajar murid.

Guru juga perlu memegang pelbagai jawatan di sekolah. Antara jawatan-jawatan berkenaan adalah seperti ketua panitia, setiausaha panitia, bendahari panitia, penyelaras persatuan beruniform, penyelaras kelab permainan, penyelaras rumah sukan, guru aset, guru teknologi maklumat dan komunikasi, guru pembangunan, guru kaunseling, guru kesihatan, guru data, guru media, guru keceriaan, penyelaras *Highly Immersive Programme* (HIP) dan guru Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa). Selain daripada itu, guru juga bertanggungjawab dalam melaksana pelbagai program di sekolah seperti penyelaras program seminar motivasi dan kecemerlangan yang dihadiri oleh murid dan ibu bapa. Guru juga